

- (i) **Tajuk : “PENYEWAAN PASAR AWAM BAYU AMAN MILIK MPSP YANG TERLETAK DI ATAS LOT 10579, MUKIM 7, TAMAN BAYU AMAN, SEBERANG PERAI UTARA”;**
- (ii) **Syarat-syarat utama permohonan :-**
- (a) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau syarikat-syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus muflis;
 - (b) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) kepada MPSP untuk menyewa bangunan Pasar Awam Bayu Aman, Lot 10579, Mukim 7, Taman Bayu Aman, SPU dengan menyatakan kadar sewaan, tujuan sewaan, tempoh sewaan dan jumlah pelaburan yang akan dibelanjakan bagi tujuan permohonan ini;
 - (c) Tiap-tiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimaterai. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MPSP bermula pada **2 April 2018 hingga 2 Mei 2018 (sebelum jam 12 tengahari)**.
 - (d) Setiap permohonan perlulah mencatatkan perkataan 'Permohonan Untuk Menyewa Pasar Awam Bayu Aman, Lot 10579, Mukim 7, Taman Bayu Aman, SPU' di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;
 - (e) MPSP berhak menerima atau menolak mana-mana permohonan tanpa memberikan apa-apa alasan kepada mana-mana pemohon atau mana-mana pihak;
 - (f) Kadar sewa rezab yang ditetapkan ialah **RM6,000 sebulan + GST** untuk tiga (3) tahun yang pertama. Kadar sewaan akan dinaikkan sebanyak 10% untuk tempoh sewaan dua (2) tahun selanjutnya. Pemohon dikehendaki menawarkan kadar sewa yang menyamai kadar sewa rezab atau melebihi kadar sewa rezab;
 - (g) Tempoh sewaan ialah tiga (3) tahun dan dengan opsyen untuk melanjutkan sewaan selama dua (2) tahun. Opsyen penyewaan adalah kepada MPSP;
 - (h) Jenis kegunaan premis yang disewakan adalah seperti berikut:-
 - i. Pejabat;
 - ii. Pusat sukan;
 - iii. Pasaraya;
 - iv. Ruang Pameran;
 - v. Restoran;
 - vi. Pusat Penjaja; dan
 - vii. Lain-lain kegunaan yang bersesuaian.


GAMBARFOTO

**PASAR AWAM BAYU AMAN MILIK MPSP DI ATAS LOT 10579,
MUKIM 7, TAMAN BAYU AMAN, SEBERANG PERAI UTARA**



PELAN TAPAK

**PASAR AWAM BAYU AMAN MILIK MPSP DI ATAS LOT 10579,
MUKIM 7, TAMAN BAYU AMAN, SEBERANG PERAI UTARA**



**LOKASI PASAR
BAYU AMAN**